

MAHATHIR - INGAT

1978

SUNGAI SIPUT, 3 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI (DR.) MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGGATKAN RAKYAT SUPAYA TIDAK MEMBIARKAN ADANYA GOLONGAN YANG CUBA MENJADIKAN MEREKA SEBAGAI ALAT UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

MENURUTNYA, DI SAAT MENGHADAPI PILIHANRAYA INI ADA GOLONGAN YANG MEMBUAT BERBAGAI JANJI HANYA UNTUK MENARIK UNDI TETAPI GOLONGAN ITU TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APAPUN JIKA MEREKA DIRILIH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENINGGATKAN JIKA PAS DAN DAP MENDAPAT CUKUP KERUSI UNTUK BERSAMA-SAMA MEMBENTUK KERAJAAN, KEDUA PARTI ITU AKAN HANYA BERCAKAR SESAMA SENDIRI UNTUK MEREKUT KUASA.

BERUCAP DI PERJUMPAAN DENGAN LEBIH 1,000 ORANG DI SUNGAI SIPUT PETANG INI, DATUK SERI (DR.) MAHATHIR MENINGGATKAN KEMBALI AKAN REBUTAN KUASA YANG BERLAKU DI TRENGGANU KETIKA PAS BERJAYA MEMBENTUK KERAJAAN DI NEGERI ITU DULU.

KATANYA, PEREBUTAN KUASA BERLAKU DI KALANGAN ANGGOTA PAS KERANA RAMAI DI ANTARA MEREKA INGIN MEREKUT JAWATAN MENTERI BESAR ATAU EXCO NEGERI. -- BERSAMBUNG 1925/YF

EE

B673

MAHATHIR - INGAT 2 SUNGAI SIPUT

DATUK SERI (DR.) HATHIR JUGA MENINGGATKAN ORANGRAMAI SUPAYA TIDAK MEMENTINGKAN SIAPA YANG AKAN MENJADI WAKIL RAKYAT MEREKA SELEPAS PILIHANRAYA INI TETAPI HARUSLAH MEMIKIRKAN KERAJAAN YANG AKAN DIBENTUK.

BELIAU MENJELASKAN TUJUAN UTAMA PILIHANRAYA TALAH BAGI MEMILIH KERAJAAN BARU DAN BUKANNYA WAKIL RAKYAT YANG AKAN MEWAKILI MEREKA.

OLEH SEBAB ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN PENTINGNYA RAKYAT DI NEGERI INI MEMBERI SOKONGAN KEPADA CALUN-CALUN BN TANPA MEMIKIRKAN SIAPA DAN DARI APA KETURUNAN CALUN ITU.

BELIAU MENJELASKAN BN DAN DAHULUNYA PERIKATAN DIBENTUK ATAS KESEDARAN PENTINGNYA PERPADUAN DI NEGARA INI YANG MEMPUNYAI BERBILANG KAUM DEMI UNTUK MENCAPAI KEMERDEKAAN.

PARA PEMIMPIN SEDAR BAHAWA KEMERDEKAAN TIDAK AKAN TERCAPAI JIKA HANYA MENDAPAT SOKONGAN DARI UMNO TANPA KERJASAMA DARI MCA DAN MIC KETIKA ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN JIKA CALUNAACALUN BN DI TENTANG OLEH ORANG-ORANG BN SENDIRI KERANA SOAL PERIBADI +KITA AKAN MENGALAMI KERUGIAN.+

DATUK SERI (DR.) MAHATHIR JUGA MENGGESA RAKYAT BERHATI-HATI KEMUNGKINAN ADA GOLONGAN YANG MENGGUNAKAN ISU PERKAUMAN UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN RAKYAT.

TURUT HADIR DI MAJLIS TALAH ENCIK S. SAMY VELU, CALUN BN BAGI KAWASAN PARLIMEN SUNGAI SIPUT, DR. LIM KENG YAIK CALUN BN DEWAN NEGERI JALONG DAN ENCIK BASHIR BIN HAJI BAHARI YANG MENANG TANPA BERTANDING BAGI KAWASAN UNDANGAN NEGERI LINTANG.

-- BERNAMA 1932/YF